# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 11 OKTOBER 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br><br>8.<br>9. | EKSPORT AYAM HIDUP PEDAGING DIBENARKAN SEMULA SECARA BERFASA BERMULA ESOK, UTUSAN BORNEO -ONLINE<br>SUBSIDI AYAM, TELUR DITERUSKAN HINGGA DIS 2022, UTUSAN BORNEO -ONLINE<br>GOVT TO EASERESTRICTIONON CHICKEN EXPORTS IN PHASES STARTING TOMORROW, SAYS MINISTER, THE BORNEO POST -ONLINE<br>SIN CHEW DAILY -ONLINE<br>SEKATAN EKSPORT AYAM HIDUP KINI DITARIK BALIK, LOKAL, HM -21<br>EKSPORT AYAM DIBENAR BERKUAT KUASA HARI INI, NASIONAL, BH -15<br>EKSPORT AYAM HIDUP PEDAGING DIBERNARKAN SEMULA SECARA BERFASA, NASIONAL, SH -11<br>HENTI EKSPORT TELUR, STABILKAN BEKALAN DOMESTIK, DALAM NEGERI, UM -12<br>BANGUNKAN SENDIRI SEKTOR HASIL MAKANAN AYAM, DALAM NEGERI, UM -12 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 10. | CUACA, UNGGAS PUNCA HASIL PADI KADA TURUN, DALAM NEGERI, UM -12 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 11. | AGROBANK RANCANG TUBUH SYARIKAT VC TAHUN DEPAN, BISNES, BH -27 | AGROBANK |
| 12. | BANTUAN RM200 RINGAN BEBAN PESAWAH, NEGARA, KOSMO -6 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# Eksport ayam hidup pedaging dibenarkan semula secara berfasa bermula esok



KUALA LUMPUR: Kerajaan membenarkan semula aktiviti mengeksport ayam hidup pedaging secara berfasa mulai esok.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (gambar) berkata Jemaah Menteri bersetuju supaya sekatan itu dilonggarkan secara berfasa bermula sebanyak 50 peratus atau 1.8 juta ekor ayam sebulan, daripada jumlah keseluruhan sekatan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor ayam sebulan.

Beliau berkata keputusan itu diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan yang mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

"Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) akan terus memantau bekalan ayam dalam negara serta pelaksanaan pengeksportan ayam hidup pedaging yang akan melibatkan hampir 100 ladang pengeksport melalui mekanisme pemantauan yang telah dibangunkan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Ronald, setiap ladang tersebut telah diberikan had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan serta berlandaskan unjuran pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi.

Ronald berkata sekiranya didapati berlaku sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan yang diberikan, kebenaran eksport ladang terlibat akan digantung.

Beliau berkata ladang-ladang pengeksport juga tidak dibenarkan menuntut subsidi untuk pengeluaran ayam bagi pasaran eksport kerana pemberian subisidi adalah khusus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga berpatutan untuk rakyat Malaysia.

Menurut Ronald, pada masa sama, larangan eksport untuk ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam Day Old Chick (DOC) umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuat kuasa dan kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan MAQIS.

"Keputusan bagi membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan dan pengeluaran di peringkat ladang.

"Larangan eksport komoditi ayam yang dibuat kerajaan pada 1 Jun lepas adalah bersifat sementara untuk menjamin ketersediaan bekalan ayam dalam pasaran tempatan," katanya.

Ronald berkata kerajaan komited memastikan kelangsungan pengeluaran ayam negara berada pada tahap optimum di samping mengekalkan segmen pasaran antarabangsa. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# Subsidi ayam, telur diteruskan hingga Dis 2022



PUTRAJAYA: Kerajaan bersetuju untuk meneruskan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan pengeluar telur ayam dari bulan ini hingga Disember ini pada kadar 80 sen sekilogram (kg) bagi ayam dan 8 sen sebiji bagi telur.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata perkara tersebut diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Okt lepas bagi meringankan beban penternak susulan peningkatan kos pengeluaran yang berterusan terutama kos makanan ayam yang meliputi 70 peratus dari kos pengeluaran selain kos anak ayam, logistik, pekerja, utiliti dan ubat-ubatan.

"Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira harga siling ayam standard di peringkat runcit dikekalkan pada kadar RM9.40/kg dan harga siling telur ayam gred A, B dan C di peringkat runcit dikekalkan masing-masing pada kadar 45 sen, 43 sen dan 41 sen sebiji di Semenanjung Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata pembayaran subsidi akan disalurkan terus ke akaun penternak melalui Agrobank seperti mekanisme sedia ada melibatkan penternak persendirian, penternak integrator atau semi-integrator dan penternak kontrak serta kementerian akan memastikan proses pembayaran berjalan lancar bagi kelangsungan pengeluaran di peringkat ladang.

Menurut Ronald, pelaksanaan subsidi tersebut melibatkan tambahan implikasi kewangan sebanyak RM573.96 juta kepada kerajaan manakala jumlah peruntukan subsidi ayam dan telur ayam yang telah diperuntuk setakat ini dari Februari 2022 hingga September 2022 adalah sebanyak RM1.233 bilion.

"Setakat 4 Okt lepas, sebanyak 13,440 permohonan tuntutan subsidi dengan nilai RM1.136 bilion telah diluluskan oleh kementerian dan semua penternak boleh terus mengemukakan permohonan supaya subsidi dapat disalurkan," katanya.

Ronald berkata kerajaan komited memastikan industri ayam dan telur kekal mampan dengan meneruskan pemberian subsidi selain meneruskan usaha memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam serta telur di pasaran kekal terjamin dengan harga berpatutan bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | THE BORNEO POST | ONLINE | |

# Govt to ease restriction on chicken exports in phases starting tomorrow, says minister



*The restriction will be relaxed by allowing the export of 1.8 million chickens per month out of the set limit of 3.6 million chickens per month, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee. — Malay Mail photo*

KUALA LUMPUR (Oct 10): The restriction on the export of live commercial broilers will be eased in phases starting tomorrow, said Minister of Agriculture and Food Industries Datuk Seri Ronald Kiandee.

He said the restriction will be relaxed by allowing the export of 1.8 million chickens per month out of the set limit of 3.6 million chickens per month.

He said the decision was made following the supply of chickens which started to stabilise in the third quarter with an average surplus production rate of 1.8 million birds per month.

"The ministry through the Department of Veterinary Services (DVS) and the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) will continue to monitor the supply of chicken in the country as well as the implementation of live commercial broiler exports which will involve almost 100 exporting breeders through the monitoring mechanism that has been developed," he said in a statement today.

He said each farm has a set export quantity limit based on the planning data and the monthly chicken production projections which it has to adhere to, adding that non-compliance will lead to the suspension of its export permit.

He said these exporting farms are not allowed to claim subsidies for chicken production for the export market which is provided by the government to ensure the availability and continuity of local chicken supply at reasonable prices for Malaysians.

At the same time, he said the export ban for round chickens, chicken cuts and day-old chicks remains, adding that MAQIS will continue to implement physical control at all exits.

Ronald said the decision to fully lift the restriction on chicken export will depend on the condition of chicken supply in the local market and farm productions.

The restriction which was implemented on June 1 this year was to ensure the availability of chicken supply because the government was committed to ensuring the continuity of the country's chicken production at an optimal level. — Bernama

5:45pm 10/10/2022

# 农长：分阶段放宽限制 明起允50%活鸡出口

3298点阅

（布城10日讯）内阁已同意从10月11日起分阶段放宽对活鸡出口的限制，从每月360万只鸡的总出口限制中先放宽50%或每月允许出口180万只鸡开始。

农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪发表文告说，政府这项决定是随着本地市场的肉鸡供应在第三季度开始稳定后做出，平均每月的超产率为180万只鸡。

“农业部通过大马兽医局和大马检疫及检验服务局（MAQIS）持续严密监督及更仔细检验国内的肉鸡供应情况，以及通过已建立的监测机制来实施活肉鸡出口，涉及的出口农场近100个。”

他指出，根据提交的计划数据和每月需遵守的肉鸡生产预测，每个农场都给予出口数量限制。

“如果发现有任何不遵守指示的情况，农业部将暂停有关农场的出口许可准证。

## 出口肉鸡禁申请补贴

“出口农场业者也不得为出口市场的肉鸡申请补贴。该补贴是特别给予确保本地肉鸡供应的可用性和连续性，并以合理的价格出售给国人。”

ADVERTISEMENT

与此同时，净鸡、鸡块和日龄雏鸡（DOC）的出口禁令依然生效。大马检疫及检验服务局负责在所有出口把关作实体监控。

重新批准肉鸡商品全面出口的决定将取决于本地肉鸡市场的供应情况，以及农场的生产情况。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# Sekatan eksport ayam hidup kini ditarik balik

**Putrajaya:** Sekatan eksport ayam hidup pedaging kini ditarik dan aktiviti mengeksport dibenarkan bermula hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, perkara itu diputuskan selepas jemaah menteri bersetuju supaya sekatan eksport ayam hidup pedaging itu dilonggarkan secara berfasa.

Menurutnya, untuk permulaan sebanyak 50 peratus atau 1.8 juta ekor ayam dieksport sebulan berbanding jumlah keseluruhan sekatan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor ayam sebulan.

"Keputusan ini diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan yang mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) akan terus memantau dengan rapat keadaan bekalan ayam dalam negara serta pelaksanaan pengeksportan ayam hidup pedaging yang akan membabitkan hampir 100 ladang pengeksport melalui mekanisme pemantauan yang dibangunkan.

"Setiap ladang berkenaan diberikan had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan serta berlandaskan unjuran pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi.

"Sekiranya didapati berlaku sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan yang diberikan, kebenaran eksport ladang terbabit akan digantung," katanya dalam kenyataannya semalam.

Kerajaan sebelum ini mengambil langkah intervensi menyekat pengeksportan ayam mulai 1 Jun lalu selepas berlaku kekurangan bekalan yang menyebabkan harga produk itu naik.

Bagaimanapun, pada 4 Ogos lalu, Ronald berkata, sekatan pengeksportan ayam pedaging hidup yang masih berkuat kuasa adalah bersifat sementara iaitu sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil sepenuhnya.

Dalam pada itu, Ronald berkata, ladang pengeksport juga tidak dibenarkan menuntut subsidi bagi pengeluaran ayam bagi pasaran eksport.

"Pemberian subsidi adalah khusus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga yang berpatutan untuk rakyat Malaysia.



"Pada masa yang sama, larangan eksport untuk ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam Day Old Chick (DOC) umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuatkuasa.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh Maqis.

> *Adalah menjadi fokus utama kerajaan untuk menjaga kelestarian industri ayam supaya kekal mampan dan kukuh ke arah memastikan sekuriti makanan negara terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia"*
>
> **Dr Ronald Kiandee**

"Keputusan bagi membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan serta pengeluaran di peringkat ladang," katanya.

Menurutnya, larangan eksport komoditi ayam yang dibuat kerajaan sebelum ini adalah bersifat sementara untuk menjamin ketersediaan bekalan ayam dalam pasaran tempatan.

Katanya, kerajaan terus komited memastikan kelangsungan pengeluaran ayam negara berada pada tahap yang optimum, selain mengekalkan segmen pasaran antarabangsa.

"Adalah menjadi fokus utama kerajaan untuk menjaga kelestarian industri ayam supaya kekal mampan dan kukuh ke arah memastikan sekuriti makanan negara terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Eksport ayam dibenar berkuat kuasa hari ini

## Longgar sekatan berperingkat, hanya 1.8 juta ekor boleh dieksport sebulan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Eksport ayam hidup pedaging dibenarkan semula, berkuat kuasa hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia diputuskan selepas jemaah menteri bersetuju sekatan eksport ayam hidup pedaging dilonggarkan secara berperingkat.

Sebagai permulaan, katanya, 50 peratus atau 1.8 juta ekor ayam dieksport sebulan berbanding keseluruhan sekatan eksport ayam 3.6 juta ekor ayam sebulan.

"Keputusan ini diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS) akan terus memantau bekalan ayam dalam negara serta eksport ayam hidup pedaging membabitkan hampir 100 ladang pengeksport melalui mekanisme pemantauan yang dibangunkan.

"Setiap ladang diberi had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan dan berlandaskan unjuran pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi.

"Sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap arahan diberikan, kebenaran eksport ladang terbabit akan digantung," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kerajaan mengambil langkah intervensi menyekat pengeksportan ayam mulai 1 Jun lalu selepas berlaku kekurangan bekalan yang menyebabkan harga produk itu naik.

Bagaimanapun, pada 4 Ogos lalu, Ronald dilaporkan berkata, sekatan pengeksportan ayam pedaging hidup hanya bersifat sementara sehingga harga dan pengeluaran ayam kembali stabil sepenuhnya.

### Tak boleh tuntut subsidi

Ronald berkata, ladang pengeksport tidak dibenar menuntut subsidi bagi pengeluaran ayam bagi pasaran eksport.

"Pemberian subsidi adalah khusus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga yang berpatutan untuk rakyat Malaysia.

"Pada masa sama, larangan eksport ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam Day Old Chick (DOC) umur sehari ayam pedaging kekal berkuat kuasa.

"Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh MAQIS.

"Keputusan diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan"



*Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan*

"Keputusan membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan serta pengeluaran di peringkat ladang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan komited memastikan kelangsungan pengeluaran ayam negara berada pada tahap optimum, selain mengekalkan segmen pasaran antarabangsa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Eksport ayam hidup pedaging dibenarkan semula secara berfasa

**KUALA LUMPUR -** Kerajaan membenarkan semula aktiviti mengeksport ayam hidup pedaging secara berfasa mulai hari ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Jemaah Menteri bersetuju supaya sekatan itu dilonggarkan secara berfasa bermula sebanyak 50 peratus atau 1.8 juta ekor ayam sebulan daripada jumlah keseluruhan sekatan eksport ayam sebanyak 3.6 juta ekor ayam sebulan.



RONALD

Beliau berkata, keputusan itu diambil berikutan bekalan ayam di pasaran tempatan yang mulai stabil pada suku tahun ketiga dengan kadar purata lebihan pengeluaran 1.8 juta ekor sebulan.

"Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) akan terus memantau bekalan ayam dalam negara serta pelaksanaan pengeksportan ayam hidup pedaging yang akan melibatkan hampir 100 ladang pengeksport melalui mekanisme pemantauan yang telah dibangunkan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Menurut Ronald, setiap ladang tersebut telah diberikan had kuantiti eksport berdasarkan data perancangan yang dikemukakan serta berlandaskan unjuran pengeluaran ayam bulanan yang perlu dipatuhi.

Ronald berkata, sekiranya didapati berlaku sebarang ketidakpatuhan terhadap arahan yang diberikan, kebenaran eksport ladang terlibat akan digantung.

"Ladang-ladang pengeksport juga tidak dibenarkan menuntut subsidi untuk pengeluaran ayam bagi pasaran eksport kerana pemberian subsidi adalah khusus bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam tempatan pada harga berpatutan untuk rakyat Malaysia," jelasnya.

Menurut Ronald, pada masa sama, larangan eksport untuk ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam *Day Old Chick* (DOC) umur sehari ayam pedaging masih kekal berkuat kuasa dan kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan Maqis.

"Keputusan bagi membenarkan semula eksport komoditi ayam sepenuhnya akan dibuat tertakluk kepada kedudukan bekalan ayam di pasaran tempatan dan pengeluaran di peringkat ladang.

"Larangan eksport komoditi ayam yang dibuat kerajaan pada 1 Jun lepas adalah bersifat sementara untuk menjamin ketersediaan bekalan ayam dalam pasaran tempatan," tambah beliau. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Henti eksport telur, stabilkan bekalan domestik

Oleh FAHMI FAIZ
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu menimbang cadangan menghentikan eksport telur ayam ke Singapura dan Hong Kong bertujuan menstabilkan bekalan sumber protein utama negara itu.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Dr. Ameer Ali Mydin berkata, kerajaan harus proaktif menyekat eksport ekoran kekurangan dalam pasaran tempatan yang mendorong peningkatan harga.

Katanya, contoh terbaik adalah sewaktu kerajaan mengenakan sekatan eksport ayam berkuat kuasa 1 Jun lalu yang akhirnya menstabilkan bekalan ayam dalam negara.

"Langkah penyelesaiannya, pertama mengapa kerajaan tidak menyekat eksport telur,yang sekarang ini dieksport ke Singapura dan Hong Kong? Kita mahu tahu mengapa kerajaan tak sekat eksport telur seperti yang kita lakukan ke atas ayam," katanya semalam.

Beliau berkata, kerajaan juga harus merangka satu mekanisme yang menyeluruh bagi memastikan ketersediaan bekalan telur di pasaran sebelum melaksanakan langkah mengawal harganya.

"Kedua, ketersediaan bekalan adalah lebih penting berbanding harganya. Kalau kerajaan mengawal harga, tapi bekalan tiada, buat apa? Contohnya kita mahu kawal harga roti canai, tapi roti canai itu sendiri tiada di pasaran, jadi ktia nak makan apa?

"Kerajaan harus terlebih dahulu memastikan bekalan telur tersedia ke pasaran sebelum mahu melaksanakan kawalan harga ke atasnya. Ini perkara yang harus ditekankan.

"Sebelum kerajaan menetapkan kawalan harga, mereka harus memastikan bahawa mereka ada kuasa dan mekanisme bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi," katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan pendedahan sumber industri telur ayam, bahawa pemain gergasi industri itu memberi alasan kos operasi tidak seimbang dengan harga kawalan kerajaan dan memeras kerajaan agar menyuntik puluhan juta ringgit sebagai subsidi.

Walaupun kerajaan sudah memenuhi banyak tuntutan industri, namun, isu kekurangan telur masih berterusan dan kemelut ini dipercayai berakar umbi daripada sifat tamak pemain industri yang hanya mahu mengaut untung besar dengan mengeskport bekalan itu ke negara jiran.


Minta tambah subsidi tetapi eksport bekalan telur keluar negara

Kartel cuba peras kerajaan

MINGGUAN Malaysia 9 Oktober 2022.

# Bangunkan sendiri sektor hasil makanan ayam

**PETALING JAYA:** Kerajaan digesa segera membangunkan industri penghasilan makanan ayam supaya negara tidak lagi bergantung kepada sumber bahan mentah import yang mahal dan tidak konsisten bekalannya.

Penasihat Kehormat Penternak Ayam Negeri Selangor, Datuk Ishak Mat Arif berkata, memandangkan makanan ayam menyumbang kira-kira 70 peratus daripada keseluruhan kos operasi, maka perlu ada sistem pengeluaran ayam bersepadu dalam negara yang menggunakan ramuan tempatan bagi menangani isu kenaikan jagung bijirin dan soya yang diimport.

"Isu ayam dan telur ini bergantung kepada pasaran semasa. Kalau tiada galakan dari kerajaan, maka sukar untuk kita menambah reban dan stok ternakan.

"Maka, ini memberi kesan buruk jangka masa panjang terhadap bekalan ayam negara. Jika bekalan kurang, pengguna yang terkesan. Akhirnya, lagi susah nak kawal harga dan pasaran.

"Sekarang kos operasi meningkat terutama makanan ayam. Malah isu penyakit ayam juga semakin menjadi-jadi. Itu sebab penternak banyak yang jadi kurang berminat menambah kapasiti, sebab risikonya besar," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.


SISTEM pengeluaran ayam bersepadu dalam negara yang menggunakan ramuan tempatan diperlukan bagi menangani isu kenaikan jagung bijirin dan soya import. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Beliau berkata, kerajaan juga perlu mempertimbang langkah menaikkan harga siling ayam dan telur atau mengapungkan harga sumber protein tersebut bagi mengimbangi keperluan pengeluar ayam dan telur seluruh negara.

"Langkah memberi subsidi ini membantu penternak serba sedikit. Tidaklah ia menguntungkan, cuma cukup sekadar untuk penternak ini *break even*, cukup-cukup makan. Sebab kalau tiada subsidi ini, memang tak boleh buat," katanya.

# Cuaca, unggas punca hasil padi KADA turun

**KOTA BHARU:** Perubahan cuaca dan serangan unggas menjadi punca pengurangan hasil jualan padi di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) pada musim kedua berbanding musim pertama tahun lalu.

Pengerusinya, Datuk Kamarudin Md. Nor berkata, purata hasil padi pada musim pertama adalah RM4,231 sehektar berbanding RM2,880 sehektar pada musim kedua menunjukkan penurunan lebih kurang 32 peratus.

Katanya, bagaimanapun agensi itu masih boleh mengeluar dan mengagihkan hasil jualan padi kepada peserta-peserta projek Ladang Merdeka Ismail Mulong dan di kawasan-kawasan lain di negeri ini.

"Pada masa ini KADA sedang meneliti kaedah bagi memastikan bekalan air ke sawah mencukupi, tidak terdedah kepada serangan penyakit dan unggas serta input pertanian mencukupi.

"Jika tiada halangan daripada faktor luaran, kita harap kutipan hasil bertambah tetapi berdasarkan keadaan pada tahun ini, mungkin masih berlaku pengurangan dan ia mungkin berlarutan pada tahun depan," katanya selepas Majlis Pembahagian Hasil dan Zakat Ladang Merdeka di Ibu Pejabat KADA Jajahan Kota Bharu Utara, Nilam Puri, di sini semalam.

Kamarudin berkata, sebagai persediaan musim tengkujuh, KADA cuba merancang dan melaksanakan kaedah bagi memastikan musim penuaian pertama dan kedua tidak bertembung dengan banjir.

Katanya, tidak semua perancangan dapat dijalankan dengan sempurna kerana membabitkan kerjasama dalam kalangan petani dan bergantung kepada bekalan air.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 11/10/2022 | BERITA HARIAN | BOSNES | 27 |

# Agrobank rancang tubuh syarikat VC tahun depan

## Langkah tawar pembiayaan ekuiti, tingkat sekuriti makanan negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

**Agrobank** merancang untuk menubuhkan sebuah syarikat modal teroka (VC) tahun depan bagi membolehkannya menawarkan pembiayaan ekuiti kepada syarikat berkaitan agromakanan tempatan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata Agrobank menyasar untuk membiayai sekurang-kurangnya 10 syarikat agromakanan tempatan pada tahun pertama operasi syarikat VC.

Katanya, inisiatif seumpama itu adalah yang pertama di Malaysia kerana kebanyakan VC yang ada ketika ini lebih banyak menumpukan kepada syarikat berkaitan teknologi.

"Kami sasarkan untuk menubuhkan VC ini pada separuh pertama tahun depan, bergantung kepada kelulusan pihak yang berkaitan.

"Agrobank berhasrat untuk membantu masyarakat yang mempunyai idea untuk membantu meningkatkan sekuriti makanan negara, tetapi mempunyai kekangan dari segi modal.

"Kami akan menjadi yang pertama menawarkan pembiayaan sebegini untuk industri perniagaan agro dan ia adalah patuh Syariah yang berdasarkan kepada perkongsian," katanya kepada *BH* dalam satu temu bual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

### Lindungi pengeluar makanan

Dalam pada itu Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Agrobank juga sedang dalam fasa akhir untuk menubuhkan perniagaan agro takaful bagi melindungi pengeluar makanan yang terdedah kepada risiko seperti cuaca, serangan makhluk perosak dan bencana yang boleh menjejaskan pengeluaran makanan.

"Kami akan mulakan dengan penanaman padi sebelum dikembangkan kepada pengeluaran makanan lain seperti akuakultur dan juga penternakan.

"Agrobank akan menjadi yang pertama menawarkan takaful seumpamanya kerana setakat ni masih belum ada syarikat takaful yang menawarkan perlindungan yang komprehensif untuk pertanian.

"Kami kini pada peringkat akhir untuk memuktamadkan kelulusan dengan pihak berkaitan," katanya.

Ditanya status terkini Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM), beliau berkata, setakat 31 Ogos lalu, jumlah yang memohon adalah sebanyak RM257.8 juta dan yang dilulus dan disalurkan berjumlah RM55.4 juta.

"Agrobank menyasarkan untuk menyalurkan semua DPAKM berjumlah RM1 bilion menjelang akhir tahun ini, meskipun ia baru diumumkan oleh kerajaan pada Ogos lalu," katanya.

DPAKM meliputi pembiayaan RM200 juta yang merangkumi RM100 juta bagi usahawan mikro, RM50 juta bagi usahawan mikro baharu dan RM50 juta bagi usahawan muda.

Dana selebihnya adalah membabitkan RM300 juta bagi pembiayaan ternakan ayam; RM200 juta bagi ternakan ruminan (lembu dan kambing) dan RM100 juta bagi tanaman sayur-sayuran.

Program itu menawarkan tempoh pembiayaan yang kompetitif sehingga 8.5 tahun pada kadar keuntungan serendah tiga peratus.

Pada enam bulan pertama, Agrobank akan memberikan moratorium secara automatik pada kadar keuntungan sifar peratus dan pelanggan akan mula dikenakan kadar keuntungan serendah tiga peratus hanya pada bulan ketujuh pembiayaan dan seterusnya.

> Kami sasarkan untuk menubuhkan VC ini pada separuh pertama tahun depan, bergantung kepada kelulusan pihak yang berkaitan. Agrobank berhasrat untuk membantu masyarakat yang mempunyai idea untuk membantu meningkatkan sekuriti makanan negara, tetapi mempunyai kekangan dari segi modal



*Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/10/2022 | KOSMO | NEGARA | 6 |



PESAWAH juga akan menikmati bantuan melalui Bajet 2023 yang dibentangkan Jumaat lalu. – GAMBAR HIASAN

# Bantuan RM200 ringan beban pesawah

**ALOR SETAR** – Bantuan RM200 sebulan yang diperuntukkan untuk pesawah dalam Bajet 2023 membuktikan keprihatinan kerajaan kepada golongan itu yang ketika ini berdepan dengan peningkatan kos menanam padi.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan Mada, Ishak Taib berkata, bantuan yang diberikan selama tiga bulan itu sebagai tambahan kepada subsidi untuk meningkatkan hasil padi.

Katanya, ia sebagai usaha untuk meningkatkan sosio ekonomi pesawah.

"Ia dapat meringankan beban petani sementara menanti hasil tuaian. Ia dapat meningkatkan penyertaan anak-anak muda dalam bidang pertanian kerana sudah mengetahui kemudahan serta tawaran diberikan kerajaan kepada pesawah.

"Peruntukan RM1.8 bilion itu berbanding RM100 juta sebelum ini menunjukkan betapa kerajaan sentiasa memastikan kebajikan serta sokongan berterusan kepada pesawah," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang membentangkan Bajet 2023 memaklumkan, bantuan kepada pesawah padi diperkenalkan semula tahun depan dengan memberi bantuan RM200 sebulan untuk tempoh tiga bulan atau semusim kepada 240,000 pesawah membabitkan peruntukan sebanyak RM228 juta.

"Pesawah di kawasan Muda beriltizam untuk memastikan pengeluaran padi negara dapat dicapai dan berterima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan menyalurkan pelbagai bantuan bagi memastikan kebajikan golongan pesawah terbela dan terjaga," tambah Ishak.